SULIT **Bahasa Melayu** **Kertas 1** **NOVEMBER 2022** **2 Jam**	**1103/1** **No Kad Pengenalan :** | | | | | | | - | | | - | | | | | **Nama** :..... **Tingkatan** .....

JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LIMBANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1 SPM
NOVEMBER 2022

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
DUA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab **soalan Bahagian A** dan **satu** soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Sekiranya helaian tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Markah:

Bahagian A	**/30**
Bahagian B	**/70**
JUMLAH	**/100**

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak termasuk muka depan.

[Lihat Sebelah]
SULIT

Bahagian B

[70 Markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 20 minit]

Pilih **satu** *daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

SOALAN 1

Hampir satu perempat daripada populasi penduduk global terdapat di empat negara paling tercemar di Asia, iaitu Bangladesh, India, Nepal, dan Pakistan. AQLI mendapati jangka hayat kesemua penduduk di keempat-empat negara itu secara purata akan berkurangan sebanyak lima tahun, selepas terdedah kepada pencemaran, 44 peratus lebih tinggi berbanding 20 tahun lalu. Kajiannya juga mendapati pencemaran turut muncul sebagai masalah signifikan di seluruh Asia Tenggara, susulan kebakaran hutan dan tanaman, selain kesesakan jalan raya sehingga menyebabkan udara dipenuhi bahan toksik.

Sumber dipetik dan diubah suai daripada artikel " *Pencemaran Udara Risiko Jangka Hayat Global*" Berita Harian Dalam Talian, 2 Ogos 2020.

Petikan artikel di atas menjelaskan pencemaran udara menyebabkan pelbagai implikasi sehingga dapat memendekkan jangka hayat manusia. Sehubungan dengan itu, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pencemaran udara.

Huraikan langkah-langkah tersebut.

SOALAN 2

" Saya tidak menyangka akan memperoleh keputusan semua A+ bagi semua subjek yang diambil kerana keputusan peperiksaan percubaan saya hanya memperoleh 3A+, 2A-, dan 6A. Subjek Biologi dan sejarah antara yang paling mencabar dan bagi peperiksaan ini, saya banyak menumpukan perhatian dan ulang kaji bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut. Selain itu, guru-guru dan rakan-rakan juga tidak jemu membantu saya. Dalam pada itu, Program Duta Guru juga banyak membantu kami untuk memahami topik yang sukar dengan jelas. Dari situ, kami berkongsi pandangan dan membantu satu sama lain untuk menguasai semua mata pelajaran dengan mudah"

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada ucapan murid cemerlang SPM 2019, Darwish, MyMetro, 9 Mac 2020

Petikan ucapan atas kejayaan cemerlang anda dalam SPM telah menjadi inspirasi kepada rakan anda untuk berkongsi rahsia kejayaan anda. Hal ini demikian kerana, prestasi pelajarannnya masih kurang memuaskan walaupun dia banyak menghabiskan masanya untuk mengulang kaji pelajaran.

Balas surat rakan anda itu selengkapnya.

SULIT **Bahasa Melayu** **Kertas 2** **NOVEMBER 2022** **2 ½ Jam**	**1103/2** **No Kad Pengenalan :** [ ][ ][ ][ ][ ][ ]-[ ][ ]-[ ][ ][ ][ ] **Nama :**..... **Tingkatan** .....

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pendidikan Sarawak

JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LIMBANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 1
NOVEMBER 2022

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi 3bahagian. Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Jawab **semua soalan**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Sekiranya helaian tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Markah:

Bahagian A	**/35**
Bahagian B	**/35**
Bahagian C	**/30**
JUMLAH	**/100**

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak termasuk muka surat hadapan.

[Lihat Sebelah]

SULIT

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

Jawab semua soalan

SOALAN 1: MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata bilangan**. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Obesiti dapat ditakrifkan sebagai kegemukan yang disebabkan oleh lemak yang berlebihan. Masalah ini telah melanda rakyat Malaysia sejak sekian lama. Obesiti dijangka menjadi punca kematian kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung. Oleh itu, kita haruslah mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Sebahagian daripada masyarakat tidak cakna mengenai obesiti dan enggan menuruti segala saranan Kementerian Kesihatan mengenai gaya hidup sihat. Sesetengah masyarakat lebih selesa mengamalkan gaya hidup yang diwarisi oleh keluarga masing-masing.

(Dipetik dan diubah suai daripada Obesiti, Di Manakah Silapnya?
Oleh Ayu Indasari Razali, Dewan Siswa, Mei 2020)

[8 markah]

SOALAN 2: SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat bersusunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya**.

Bidang keusahawanan wajar diterokai oleh golongan remaja. Bidang ini dapat mendidik remaja menjadi lebih berdaya kreatif. Sesungguhnya amat luas ruang bagi golongan remaja menceburi bidang ini. Remaja yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi juga boleh menceburi bidang tersebut. Oleh hal yang demikian para remaja yang berminat dalam bidang ini tidak mempunyai masalah untuk mengikuti kursus dan Latihan keusahawanan. Ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak yang berminat dalam bidang ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada Ayuh, Jadilah Usahawan!
Oleh Syed Mahadzir bin Syed Ibrahim Dewan Siswa, Bil 7/2019)

[6 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa.** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Harimau belang atau nama sainstifiknya *Panthera tigris jacksoni*, sinonim dengan sapaan "Harimau Malaya" atau "Pak Belang" di kalangan masyarakat di Malaysia. Harimau Malaya dikenal dengan rupanya yang garang, pesona warna, bentuk belang di badannya dan ngaumannya yang mengerunkan semua haiwan di seluruh pelusuk rimba. Harimau Malaya menjadi simbol rasmi kerajaan Malaysia yang diperlihatkan melalui Jata Negara Malaysia selain daripada digunakan sebagai lambang organisasi, institusi, penubuhan, dan sebagainya. Harimau Malaya ialah ikon yang berlambangkan keberanian, perpaduan dan integriti negara. Daripada sudut sains, Harimau Malaya merupakan puncak rantaian makanan dalam eko-sistem kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Harimau Malaya: Kemandiriannya di Tangan Kita'
Oleh Hazril Rfnan Abdul Halim.
Dewan Kosmik, 07/2021

[11 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka fikir dalam hatinya. "Dialah gerangan hulubalang Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya. Sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan."

Dipetik daripada
Kepimpinan Melalui Teladan
Dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*.
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 Markah]

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Pendidikan sejarah berperanan sebagai alat penting bagi memupuk perpaduan pelbagai kaum dan membina masyarakat merdeka yang bersatu padu. Slogan negara bangsa merupakan usaha menjadikan diri sebagai rakyat yang berkongsi negara dan impian yang sama dalam mendukung agenda perpaduan serta membolehkan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan agama hidup bersama-sama dalam suasana harmoni. Pada masa yang sama konsep negara bangsa juga mengekalkan identiti dan ciri bangsa masing-masing.

Usaha ini dapat merealisasikan hasrat rakyat yang komited dalam memahami falsafah kesederhanaan dan penerimaan masyarakat majmuk. Rakyat perlu menghormati kepelbagaian agama sebagai asas perpaduan kaum. Selain itu, sikap perkauman dan ketaasuban agama, sama sekali tidak boleh diterima dalam negara berbilang bangsa. Kerajaan perlu mengambil lebih banyak usaha untuk membendung isu perkauman daripada tidak dapat dikawal pada masa depan. Antaranya, memperkenalkan Akta Keharmonian Nasional atau Akta Perhubungan Kaum.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Rencana Perpaduan' oleh Lim Kok Weng
Utusan Malaysia, 29 Ogos 2020.

Bahan 2

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama. Sejak merdeka, kita telah hidup bersama-sama dan bersaudara sebagai rakyat Malaysia. Oleh itu, perpaduan dalam kalangan rakyat sangat penting dan menjadi kunci kejayaan Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus melaksanakan tanggungjawab untuk mempertahankan perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Di samping itu, keharmonian kaum dan toleransi beragama pada setiap peringkat harus terus diperkukuh.

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya\dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

ALAMKU MUSNAH

Demi masa yang berubah lalu,
Deru anginku musnah berdebu,
Alunan ombakku berwarna seluas segara,
Hanyut kotoran serata pantai teluk nusa,
Kuala dan sungai dicemari kumbahan,
Nagis sampah sarap di celah segala tumpahan.

Akulah belantara itu di hulu negeri,
Dibakar terbakar sepi,
Lagu gurindam alamku berirama ngeri,
Nyanyi burung gembira sekampung telah hilang pergi,
Ditelan hanyir udara yang dihidu,
Debu racun terapai-apai di ruang berjerebu
Dingin malam panasnya sampai ke siang,
Gurindam alamku musnah,
Di tangan diri yang kononnya khalifah.

Dipetik dan disunting daripada Gurindam
Alamku Musnah oleh A. AZIZ DERAMAN
Dewan Bahasa dan Pustaka

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1	-	Morfologi	:	8 markah
Soalan 2	-	Sintaksis	:	6 markah
Soalan 3	-	Penyuntingan	:	11 markah
Soalan 4	-	Bahasa Melayu Standard	:	4 markah
Soalan 5	-	Peribahasa	:	6 markah

SOALAN 1: MORFOLOGI

KATA BILANGAN	MAKSUD
Kedua	planet yg **kedua** jauhnya dr matahari. ; mengunjur duduk atau berbaring dgn meluruskan **kedua**-dua belah kaki; berlunjur: Dia ~ di kaki lima. mengunjurkan meluruskan (**kedua**-dua belah kaki) ketika duduk atau berbaring. terunjur **kedua**-dua belah kaki diluruskan sewaktu duduk atau berbaring. unjuran tumpuan kaki di tempat tidur; bahagian di sebelah kaki orang yg tidur atau yg dikuburkan.
Sebahagian	setengah, segolongan; /déposit/ 1 wang yg disimpan (tersimpan) dlm bank. 2 **sebahagian** drpd bayaran berupa wang yg dibayarkan (**sebahagian** lagi adalah hutang). mendepositkan memasukkan atau menyimpan wang di bank atau institusi yg serupa utk mendapatkan faedah, utk keselamatan dsb: Dia telah ~ **sebahagian** besar keuntungan yg diperolehnya di bank utk masa depan anak-anaknya. pendeposit orang atau pihak yg mendepositkan wang di bank dsb.
Sesetengah	setengah-setengah. menyampaikan atau menceritakandongeng: **Sesetengah** orang tua selalu ~ kisah-kisah lama kpd cucu- cucu mereka. (Kim) garam yg terbentuk apabila **sesetengah** ion oksida atau hidroksida sesuatu bes diganti dgn ion negatif lain, mis plumbum (II) klorida hidroksida;
Masing-masing	. hubungan, kaitan: tiap katanya mempunyai tugas penuh di dlm ~nya **masing-masing**; 2. sesuatu yg bersambung-sambung (berkait-kait): nyonya presiden dgn penuh rasa kasih sayang mengalungkan ~ puspa wangi pd ibu bapa; 3. untaian (kejadian dll), kumpulan (berbagai-bagai karangan dll), siri: orang Melayu menganggap bahawa sejarah atau ~ peristiwa sejarah lebih menghibur; ~ cerita James Bond; 4. hubungan susunan (huruf, kata, ayat): setiap kata mempunyai tugas penuh dlm ~nya **masing-masing**;
segala	1. semua (tiada kecuali), sekalian, se-luruh: ~ negeri yg bertamadun mempunyai perkhidmatan perubatan; 2. seluruh, segenap: ~ badannya berlumuran darah; 3. semuanya, serba; ~ salah serba salah; 4. Jk, bk memangnya, sungguh (utk memaki); segalanya termasuk apa sahaja (tidak ter-kecuali), semua sekali, semuanya, segala-galanya: ~ kabur dan dangkal; di kelab dangdut itulah ~ bermula dan berakhir; segala-galanya seluruhnya sekali, sekalian-nya (tiada kecuali): mereka itu menguasai ~; disegalaapakan ark dilakukan dgn sekehendak hati

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Bahasa Melayu (25+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta